

TINJAUAN

Kewangan Kumpulan

Perbincangan Pihak Pengurusan dan Analisis Prestasi Kewangan

Tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009 merupakan tahun yang baik untuk Kumpulan dengan mencatat prestasi rekod baru.

Sukacita kami melaporkan bahawa tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009 ("TK 2009") merupakan tahun yang baik untuk Kumpulan dengan prestasi mencatat rekod baru, mengatasi ramalan pasaran. Pencapaian prestasi terbaik ini atas asas perniagaan yang kukuh, dengan mempelbagaian hasil perniagaan. Untuk TK 2009, kami menumpukan kepada usaha berterusan untuk menyusun persediaan asas untuk mencapai Aspirasi Jangka Sederhana Kumpulan ("MTA").

Prestasi kewangan yang baik ini mencerminkan pelaksanaan berjaya MTA oleh Kumpulan, merangkumi usaha dan inisiatif, antara lainnya :

- pertumbuhan portfolio terpilih dan segmen perniagaan berdaya maju, dengan lebih mempelbagaian dalam hasil yuran dan sumber pendapatan lain;
- kos penurunan dana melalui usaha berterusan untuk memperbaiki profil pungutan dana dan kecairan, dan mengembangkan dasar deposit kos rendah;
- menambah kualiti aset dengan lebih penurunan dalam nisbah pinjaman tidak berbayar bersih; dan
- menggunakan manfaat perkongsian strategik dengan ANZ untuk meningkatkan jenama ekuiti dan kepakaran teknikal Kumpulan dengan penekanan kepada pertumbuhan dalam pinjaman runcit dan komersil, dan perbankan urusniaga.

Penyata Pendapatan

Kumpulan mencatat prestasi baik untuk satu lagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009 dengan pertumbuhan dalam keuntungan untuk pemegang saham sebanyak 28.8% kepada RM860.8 juta. Pertumbuhan dalam pendapatan faedah bersih dan pendapatan bersih dari perbankan perniagaan Islam dengan peruntukan lebih rendah untuk kerugian pinjaman antara penyumbang keuntungan utama, diringkaskan oleh kerugian dagangan dan sumbangan pasaran modal lebih rendah akibat keadaan pasaran yang sukar di kala kemelesetan ekonomi global ketika ini. Pendapatan bagi setiap saham (dicairkan sepenuhnya) diperbaiki dari 27.9 sen naik ke 31.6 sen.


Penyata Pendapatan Ringkas

RM Juta	TK 2009	TK 2008	+/-	
			RM Juta	%
Pendapatan operasi	5,860.7	5,992.7	(132.0)	(2.2)
Pendapatan faedah bersih	1,776.3	1,615.8	160.5	9.9
Pendapatan daripada perniagaan perbankan Islam	572.6	517.1	55.5	10.7
Pendapatan dana bersih	2,348.9	2,132.9	216.0	10.1
Pendapatan operasi lain	922.0	1,218.8	(296.8)	(24.3)
Jumlah pendapatan	3,271.0	3,351.7	(80.7)	(2.4)
Overhead	(1,269.2)	(1,221.3)	(47.9)	3.9
Tuntutan insurans am	(342.9)	(315.6)	(27.3)	8.7
Keuntungan operasi	1,658.8	1,814.8	(156.0)	(8.6)
Peruntukan kerugian pinjaman dan pembiayaan	(344.2)	(512.2)	168.0	(32.8)
Lain-lain (peruntukan)/masuk kira semula	(34.8)	13.8	(48.6)	(351.9)
Kemerosotan kerugian	(62.0)	(122.0)	60.0	(49.2)
Bahagian keputusan syarikat bersekutu	(0.2)	0.0	(0.2)	
Keuntungan sebelum pencukaian dan zakat	1,217.6	1,194.4	23.2	1.9
Pencukaian dan zakat	(339.4)	(383.6)	44.2	(11.5)
Keuntungan sebelum kepentingan minoriti	878.3	810.8	67.4	8.3
Kepentingan minoriti	(17.4)	(142.3)	124.8	(87.7)
Keuntungan bersih diagihkan kepada para pemegang saham Syarikat	860.8	668.5	192.3	28.8
Kadar dividen kasar	8.0%	6.0%		
Overhead berbanding jumlah pendapatan	38.8%	36.4%		


Jumlah Pendapatan – Prestasi Pendapatan

Prestasi pendapatan mencerminkan strategi Kumpulan dalam keseimbangan antara jumlah berbanding harga, menumpu pada segmen perniagaan yang menguntungkan dan berdaya maju. Ini berasas mengekalkan perniagaan teras dengan pelanggan sedia ada, menarik pelanggan baru melalui penyampaian inovasi dan perkhidmatan cemerlang, dan mempelbagai kepada aliran pendapatan yang baru. Untuk menyokong penjaan pendapatan, Kumpulan melabur dalam memperbaiki operasi, menyampaikan pengalaman urusniaga yang berkualiti serta meluaskan saluran pengagihan.

Komposisi Pendapatan



Pendapatan Operasi Mengikut Segmen





Komponen utama pendapatan adalah pendapatan dana bersih (pendapatan faedah bersih dan pendapatan bersih dari perniagaan perbankan Islam) dan pendapatan operasi lain.

Pendapatan dana bersih: RM2,348.9 juta (+10.1% atau RM216.0 juta)

- Pendapatan faedah bersih dan pendapatan bersih dari perniagaan perbankan Islam masing-masing meningkat sebanyak RM160.5 juta (+9.9%) dan RM55.5 juta (+10.7%).
- Pendapatan dalam pendapatan dana bersih dipacu penambahan dalam pinjaman bersih dan pendahuluan (+RM4.3 bilion atau 8.3%). Pertumbuhan dalam pinjaman dan pendahuluan dipacu terutamanya pengembangan pembiayaan hartanah perumahan dan bukan-perumahan, serta pembelian sekuriti.

Pendapatan Yuran



- Pinjaman dan pendahuluan
- Nasihat korporat
- Jaminan
- Komisen tata jamin
- Pengurusan portfolio
- Pengurusan unit amanah
- Pengurusan amanah pelaburan harta tanah
- Komisen dan Brokeraj
- Komisen bancassurance
- Lain-lain

Pendapatan Operasi Lain: RM922.0 juta (-24.3% atau -RM296.8 juta)

Pendapatan operasi lain, terdiri amnya dari pendapatan perbankan pelaburan dan aktiviti perdagangan selain aktiviti tambahan lain berkait aktiviti peminjaman Kumpulan, merasai kesan impak keadaan sukar dalam pasaran modal dan saham.

Untuk TK 2009:

- Pendapatan yuran jatuh kepada RM77.3 juta (-14.5%) amnya kerana yuran nasihat korporat lebih rendah, portfolio dan yuran pengurusan unit amanah serta pendapatan broker dalam perniagaan sekuriti.
- Pendapatan dari perniagaan insurans Kumpulan menjana 50.3% dari pendapatan operasi lain serta mencatat peningkatan sebanyak RM54.6 juta (+13.3%) dari peningkatan produktiviti berterusan dari rangkaian agensi, produk-produk inovatif dan penggabungan insurans dengan produk perbankan runcit.
- Aktiviti pelaburan dan perdagangan mencatat sumbangan lebih rendah RM11.9 juta berbanding RM246.0 juta tahun sebelumnya. Keadaan sukar dalam pasaran modal dan saham kesan krisis subprima Amerika Syarikat menyebabkan kerugian perdagangan dan penilaian semula dalam sekuriti yang dipegangan dalam portfolio dagangan.

Belanja Operasi

Dalam persekitaran persaingan, Kumpulan perlu terus memperkukuhkan keupayaannya dan menangani isu-isu strategik sambil menguruskan kosnya dengan berhati-hati untuk memastikan operasi terus berjalan dengan efisien. Nisbah kos-kepada-pendapatan mencerminkan perbelanjaan Kumpulan sebagai pecahan peratusan dalam pendapatan dan merupakan antara ukuran paling efisien dalam industri perbankan.

Dalam TK 2009, nisbah kos-kepada-pendapatan (tidak termasuk perniagaan insurans) meningkat 3.4% kepada 43.0%. Peningkatan ini sebahagiannya

disumbangkan pengecutan pendapatan operasi lain kesan keadaan dagangan yang sukar.

Overhed: RM1,269.2 juta (+3.9% atau RM47.9 juta)

- Perbelanjaan untuk kakitangan meningkat 5.4% atau RM37.7 juta lebih tinggi kesan pengambilan lebih ramai pekerja untuk menyokong pertumbuhan perniagaan dan peluasan rangkaian cawangan, ditambah dengan pelarasan gaji dan bonus.
- Perbelanjaan penubuhan meningkat sebanyak RM17.0 juta kesan peningkatan dalam pelunasan kos perisian komputer dan pengkomputeran selepas melancarkan sistem-sistem baru dan sewaan lebih tinggi dari peluasan premis cawangan serta kajian semula kadar sewa.
- Perbelanjaan pemasaran menurun sebanyak RM20.2 juta amnya kerana komisyen jualan lebih rendah dan perbelanjaan pengiklanan dan promosi yang dijana.
- Perbelanjaan pentadbiran meningkat sebanyak RM13.5 juta disumbangkan perkhidmatan profesional berkait projek-projek yang dilaksana untuk menangani isu-isu strategik utama dalam menurunkan Pinjaman Tidak Berbayar dan kos dana, serta meletakkan perniagaan pembiayaan auto dan perbankan pelaburan di tapak baru.

Caj Peruntukan Hutang

Mencerminkan kemajuan dalam Pinjaman Tidak Berbayar, caj peruntukan hutang turun sebanyak RM168.0 juta (-32.8%) kepada RM344.2 juta.

Belanja Operasi

Belanja Operasi	TK 2009		TK 2008	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Perjawatan/kakitangan	733.0	45.5%	695.3	45.2%
Perjabatan	259.3	16.1%	242.3	15.8%
Pemasaran dan komunikasi	137.7	8.5%	157.9	10.3%
Pentadbiran dan am	139.3	8.6%	125.8	8.2%
Overhed	1,269.2	78.7%	1,221.3	79.5%
Tuntutan insurans am	342.9	21.3%	315.6	20.5%
Jumlah	1,612.1	100.0%	1,536.9	100.0%

Caj Peruntukan Hutang


RM Juta	TK 2009	TK 2008	TK 2009 vs TK 2008
Peruntukan tertentu – bersih	660.1	765.1	(105.0)
Peruntukan dibayar balik kemerosotan nilai amaun dibayar balik dari Danaharta	-	(0.6)	0.6
Hutang lapuk dibayar balik – bersih	(369.5)	(319.4)	(50.0)
	290.6	445.1	(154.5)
Peruntukan am	53.6	67.1	(13.5)
Jumlah	344.2	512.2	(168.0)

Peruntukkan khusus bersih untuk kerugian kredit yang dicaj berjumlah RM660.1 juta, penurunan 13.7% sementara pengembalian hutang tidak berbayar bersih naik RM50.0 juta kepada RM369.5 juta.

Kerugian Penyusutan

Kerugian penyusutan lebih rendah pada RM60.0 juta (-49.2%) kepada RM62.0 juta umumnya kerana penghapusan susutan RM17.0 juta atas pengembalian amaun ke atas sekuriti berasaskan aset selepas pembayaran semula serta caj penyusutan lebih rendah ke atas sekuriti hutang berbanding tahun lalu.

Analisis Campuran Aset




Pengurusan Lembaran Imbangan

Jumlah aset meningkat sebanyak RM6.7 bilion (+8.1%) kepada RM89.9 bilion hasil asas perniagaan yang kukuh dengan tawaran perniagaan dipelbagai. Untuk keseluruhan takwim 2008, KDNK Malaysia tumbuh pada purata 4.6% kesan kemerosotan ekonomi global.

Pinjaman Dan Pendahuluan

Kenaikan dalam jumlah aset disebabkan pertambahan RM4.4 bilion (+8.3%) dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan bersih kepada RM56.9 bilion. Pengembangan dalam pinjaman dan pendahuluan ini dipacu antara lain oleh pertumbuhan dalam pemberian pinjaman kepada sektor korporat (+7.8%) dan perusahaan kecil dan sederhana ("SME") (+14.2%), selari dengan usaha kami mengimbang semula fokus kepada segmen terpilih dan berdaya maju. Perbelanjaan awam termasuk projek-projek dibawah Rancangan Malaysia Ke-9, Projek Koridor Pembangunan dan pakej rangsangan terus memacu pertumbuhan dalam pembiayaan sektor-sektor tersebut.

Pinjaman Kasar – Kegunaan Ekonomi



- Pinjaman runcit terus menjadi penyumbang utama dalam portfolio pinjaman pada paras 66.0% dari keseluruhan portfolio. Kumpulan mengekalkan kedudukannya sebagai kumpulan perbankan keempat terbesar dari segi aset runcit.
- Kumpulan memantau portfolio untuk penggumpalan risiko dan terus memberi fokus kepada pertumbuhan pinjaman dan segmen ekonomi berdaya maju. Pembiayaan untuk pembelian kenderaan pengangkutan menurun kepada 40.8% dari 42.3% dan hartanah perumahan pada 19.0% (TK 2008 19.3%). Walaupun pembiayaan untuk dua tujuan ini mewakili penumpuan kredit terbesar, risiko kredit dikekang dengan berkesan kerana pendedaannya disebarkan ke atas bilangan peminjam yang lebih besar.

Sekuriti

Sepanjang tahun, Kumpulan mematuhi pekeliiling BNM tentang klasifikasi semula sekuriti di bawah keadaan tertentu, yang membenarkan institusi perbankan untuk klasifikasi semula sekuriti yang dipegang untuk kategori dagangan. BNM turut memberi kelulusan untuk pemindahan sekuriti yang dipegang untuk dagangan dalam portfolio Skim Perbankan Islam AmlInvestment Bank kepada sekuriti AmlIslamic Bank untuk portfolio jualan, ekoran pemunyaan perniagaan berasas dana.

Akibatnya, sekuriti yang dipegang untuk dagangan pada RM1,399.0 juta (TK 2008: RM6,699.0 juta) sementara sekuriti untuk jualan pada RM6,626.0 juta (TK 2008: RM1,850.0 juta).

Sekuriti yang dipegang hingga matang jatuh kepada RM780.0 juta dari RM1,179.0 juta selepas penebusan sekuriti hutang.


Pinjaman Mengikut Sektor

Sektor	TK 2009		TK 2008	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Runcit	38,728.6	65.9%	36,733.2	66.8%
IKS	6,229.0	10.6%	5,452.4	9.9%
Korporat	13,811.4	23.5%	12,813.2	23.3%
Jumlah	58,769.0	100.0%	54,998.8	100.0%


Deposit

- Sumber utama dana Kumpulan dari deposit pelanggan, terdiri daripada deposit berjangka/pelaburan, deposit simpanan, deposit permintaan, dan deposit alat boleh runding. Antara sumber dana utama yang lain ialah dana pemegang saham, sekuriti dengan faedah, interbank dan pinjaman lain.
- Sepanjang tahun, Kumpulan telah klasifikasi semula deposit sesetengah pelanggan, yang sebelum ini diletakkan dalam kelas Deposit dan Peletakan di Bank dan Institusi Kewangan Lain kepada Deposit dari Pelanggan. Ini selari dengan amalan industri untuk memudahkan perbandingan pensetaraan yang lebih baik. Perbandingan untuk TK 2009 telahpun dinyatakan semula, berdasarkan perkara ini.
- Deposit dari Pelanggan meningkat RM8.3 bilion (+15.0%) kepada RM64.1 bilion setakat 31 Mac 2009. Deposit dari perusahaan perniagaan meningkat 30.5% kepada RM26.3 bilion dan ketika ini membentuk 41.0% (TK 2008: 36.2%) deposit pelanggan dengan deposit runcit muncul di tempat kedua pada 39.8% (TK 2008: 42.4%).
- Deposit Berjangka/Pelaburan kekal komponen paling besar mewakili 68.4% dari keseluruhan deposit pelanggan setakat 31 Mac 2009.
- Deposit urusniaga pelanggan, merangkumi deposit simpanan dan permintaan, meningkat sebanyak RM500.0 juta (+8.0%) kepada RM6.8 bilion setakat penghujung Mac 2009. Ini mencerminkan inisiatif utama yang diambil untuk menambah deposit kos rendah.

Deposit Dari Pelanggan – Sumber



Deposit Dari Pelanggan – Jenis




Selain mengembangkan pasukan jualan deposit langsung, rangkaian cawangan kami yang lebih luas memainkan peranan penting dalam pungutan deposit. Setakat ini, Kumpulan mempunyai rangkaian 187 cawangan bank komersil, 611 mesin ATM dan 116 pusat perbankan elektronik seluruh negara. Daripada jumlah ini, 218 mesin ATM diletakkan di kedai 7-Eleven seluruh negara untuk memberikan pelanggan kemudahan perbankan terbaik.


Memperbaiki Kualiti Aset

Salah satu sasaran utama MTA adalah untuk Kumpulan mengatasi nisbah kualiti aset sistem. Penanda bahawa strategi pungutan aset serta dasar dan amalan pengurusan risiko berkesan, ialah dengan melihat untuk kenaikan dalam kualiti aset pinjaman Kumpulan.

Pinjaman Tidak Berbayar – Klasifikasi 3 Bulan



Jumlah Aset Mengikut Segmen



Kualiti aset pinjaman Kumpulan terus menunjukkan kemajuan, didorong kawalan kredit lebih baik, pengurusan pungutan dan pengembalian, seperti ditunjukkan oleh:

- Nisbah pinjaman tidak dibayar teruskan penurunan kepada 2.6% dari 3.7% di TK 2008.
- Jumlah pinjaman tidak dibayar kasar tertunggak turun kepada RM2.4 bilion dari RM3.6 bilion di TK 2008. Penurunan pinjaman tidak dibayar melalui langkah menghalang, pungutan, penstrukturan semula, pemulihan, penjadualan semula dan penutupan gadai janji, kekal keutamaan utama Unit Pemulihan Pinjaman dan Pungutan Runcit.
- Pemulihan lebih tinggi dari usaha pemulihan pinjaman intensif melalui agensi pungutan hutang.
- Liputan kerugian pinjaman meningkat kepada 75.1% dari 67.3%.

Unit pungutan dan pengembalian Kumpulan terletak pada kedudukan yang baik untuk mengharungi senario ekonomi yang semakin mencabar, dengan kedudukan pusat pungutan yang tersebar dengan baik, disokong keupayaan peringatan bayaran tertunggak dan rangka kerja pungutan. Kami menjangka sedikit kemerosotan dalam kualiti aset, selari dengan keseluruhan industri perbankan dalam tahun akan datang, namun kami mempunyai persediaan yang baik untuk menguruskannya.

Membina Portfolio Campuran Perniagaan Yang Seimbang

Pemindahan aktiviti berasas-dana AmInvestment Bank Berhad (“AmInvestment Bank”) kepada AmBank (M) Berhad (“AmBank”) dan AmIslamic Bank Berhad (“AmIslamic”) dilengkapkan pada 12 April 2008. Ini selari dengan objektif kami yang telah dinyatakan iaitu untuk mencapai pertumbuhan perniagaan yang mampan dan menguntungkan dengan membina portfolio campuran perniagaan strategik yang seimbang dari perniagaan perbankan pelaburan, runcit, pinjaman komersil dan insurans:

- Portfolio segmen perbankan komersil dan runcit merupakan 67.7% dari keseluruhan aset mengikut segmen, naik dari 56.5% pada TK 2008. Peningkatan ini umumnya dari perlunasan aktiviti berasas-dana bank pelaburan.
- Mengikut pemindahan perniagaan, pegangan perbankan pelaburan dari keseluruhan aset mengecut kepada 2.3% dari 15.7%.
- Sumbangan portfolio perbankan Islam meningkat dari 11.3% kepada 13.5% hasil perlunasan perniagaan SPI bank pelaburan.
- Sumbangan portfolio perniagaan insurans meningkat kepada 3.1% dari 2.7% atas pertumbuhan aset dana Am dan Hayat.

Penarafan Kredit

Agensi Kredit	AmBank (M) Berhad		AmInvestment Bank Berhad	
	Jangka Panjang	Jangka Pendek	Jangka Panjang	Jangka Pendek
Rating Agency Malaysia Berhad ("RAM")	A1	P1	AA3	P1
Malaysian Rating Corporation Bhd ("MARC")	Tidak Ditaraf	Tidak Ditaraf	AA-	MARC-1
Standard & Poor's Rating Services ("S&P")	BBB-	A3	BB+	B
Capital Intelligence Ltd	BBB-	A3	Tidak Ditaraf	Tidak Ditaraf
Fitch Ratings Ltd ("Fitch")	BBB-	F3	BBB-	F3
Moody's Investors Service ("Moody's")	Baa2	P3	Tidak Ditaraf	Tidak Ditaraf


Penguatan Kedudukan Modal

Paras modal kami kekal kukuh, dengan nisbah modal agregat berlawanan risiko setakat 31 Mac 2009 pada 15.2% dan nisbah modal Tingkat-1 pada 9.7%, jauh lebih tinggi dari keperluan minima 8.0% nisbah modal berlawanan risiko. Kami dalam kedudukan modal yang kukuh untuk mengharungi persekitaran pengoperasian yang mencabar.

Sepanjang tahun, kedudukan modal Kumpulan dikukuhkan oleh:

- Terbitan Nota Jangka Sederhana Tingkatan yang Keenam ("MTN") berjumlah RM600.0 juta di bawah program MTN nilai nominal RM2.0 bilion. MTN yang diterbitkan melayakkan diri sebagai modal Tingkat-2 di bawah rangka kerja modal mencukupi untuk institusi kewangan yang mematuhi Rangka Kerja Modal Mencukupi Berlawanan Risiko yang diterbitkan BNM.

Nisbah Modal



- Terbitan Modal Bukan-Inovatif Tingkat 1 RM500.0 juta ("NIT1"). Terbitan NIT1 distrukturkan mengikut panduan BNM berhubung Rangka Kerja Modal Mencukupi Berlawanan Risiko. Terbitan modal NIT1 merangkumi sekuriti modal bukan kumulatif berterusan ("NCPCS") yang diterbitkan AmBank dan nota subordinat ("Sub-Notes") diterbitkan oleh AmPremier Capital Berhad ("AmPremier"), subsidiari milik penuh AmBank, yang dicantumkan dengan NCPCS, yang bergabung menjadi "Sekuriti Cantuman".

Penarafan Kredit

Mencerminkan kemajuan dalam prestasi kewangan, agensi-agensi penarafan telah mengembalikan penarafan kredit subsidiari utama, AmBank (M) Berhad ("AmBank") dan AmInvestment Bank Berhad ("AmInvestment Bank").

Bon Subordinat Tingkat 2 RM200.0 juta AmInvestment Bank mendapat kembali penarafan kredit jangka panjang A1 dari RAM.

Penarafan jangka panjang Deposit Alat Boleh Runding Jangka Panjang RM1.0 bilion AmBank dilunaskan dari AmInvestment Bank dikembalikan sebagai A1.

Sekuriti Hibrid USD200.0 juta yang diterbitkan AmBank mendapat kembali penarafan Ba2 dari Moody's, BB dari S&P dan BB dari Fitch.

Bon Boleh Tukar RM575.0 juta AmBank dan Program Nota Jangka Sederhana RM2.0 bilion dikembalikan dengan penarafan jangka panjang A2 dari RAM.

RAM telah meletakkan penarafan jangka panjang A3 kepada NCPCS terbitan AmBank dan Sub-Notes terbitan AmPremier Capital Berhad, yang bergabung menjadi Sekuriti Cantuman.

Kesimpulan

Prestasi kewangan tahun ini merupakan pencapaian rekod baru buat Kumpulan, mengatasi semua jangkaan umum, dan membuktikan transformasi berterusan Kumpulan.

Mencerminkan prestasi kewangan lebih baik dalam TK 2009, pada Pengarah mengesyorkan dividen untuk dibayar dinaikkan kepada 8.0% ditolak cukai (TK 2008: 6.0%, ditolak cukai) berjumlah RM163.4 juta untuk tahun kewangan ini.

Sebagai rumusan, keutamaan untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2010 ("TK 2010") adalah untuk mengekalkan pertumbuhan yang menguntungkan dan mengimbangi semula fokus perniagaan, mempelbagai pendapatan, pertumbuhan dalam segmen berdaya maju, menambahbaik kualiti aset dan mensasarkan kos operasi efisien. Selaras dengan pelaburan untuk jangka sederhana, usaha akan dijalankan untuk memperbaiki disiplin risiko dan rangka kerja pengawalan.

Pelaksanaan Aspirasi Jangka Sederhana dan tema-tema strategik telah melengkapkan Kumpulan dengan kelebihan permulaan awal dan lebih ketahanan untuk mengharungi kitaran ekonomi ketika ini, bergerak masuk ke tahun kewangan yang baru. Kumpulan dalam kedudukan yang baik untuk terus berkembang antara bank terulung di Malaysia.